

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	259 cm ²
AdValue	RM 5,119	PR Value	RM 15,357



Agenda bantu golongan bumiputera majukan diri

Sektor swasta perlu beri komitmen

Oleh **SAFINA RAMLI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 21 NOV.**

USAHA membantu golongan bumiputera untuk memajukan diri selaras dengan agenda bumiputera sememangnya tidak harus terletak pada kerajaan tetapi memerlukan komitmen sektor swasta termasuk syarikat bertaraf multinasional.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), **Datuk Moehamad Izat Emir** berkata, sektor swasta tidak ada sebab untuk melaksanakan peranan ini sambil lewa memandangkan golongan bumiputera kini lebih fokus dan serius dalam dunia perniagaan.

Berkongsi pengalamannya, Moehamad Izat berkata, Perdasama masih menerima rungutan mengenai birokrasi syarikat gergasi yang mengenakan syarat terlalu ketat kepada usahawan bumiputera yang berhasrat menjadi ejen kepada barangan keluaran mereka.

“Memang perkara ini wujud apabila syarikat tersebut tahu peniaga bumiputera ingin menjadi ejen pemasaran kepada barangan

keluaran mereka, syarat yang dikenakan terlalu ketat sehingga menyukarkan peniaga yang baru memulakan perniagaan mereka.

“Sebab itu, usaha kerajaan untuk memastikan golongan bumiputera maju dalam perniagaan sahaja tidak mencukupi. Syarikat-syarikat swasta dari dalam dan luar negara perlu bergerak seiring dengan dasar kerajaan untuk mengangkat agenda pembangunan bumiputera ini,” katanya kepada

Utusan Malaysia di sini hari ini.

Tokoh di sebalik Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dr. Rais Saniman dalam ruangan *Wawancara Minggu* *Malaysia* semalam antara lain menggesa semua pihak termasuk swasta lebih komited menjayakan agenda bumiputera kerana manfaatnya terbukti untuk kemakmuran negara secara keseluruhan.

Sementara itu, Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Datuk Dr. Amir Hussain Baharuddin** pula berkata, agenda bumiputera yang dijalankan kerajaan perlu me-

mastikan bantuan yang diberikan itu mampu menjadikan golongan bumiputera berjaya sehingga ke peringkat global.

“Kemajuan dalam bidang ekonomi sehingga ke peringkat global penting bagi memastikan golongan bumiputera tidak ditinggalkan jauh oleh kaum lain.


“Di sini perlunya diwujudkan satu badan perniagaan bumiputera yang menggabungkan usahawan bumiputera dalam semua bidang serta golongan pemikir bagi memastikan kita sentiasa bersedia untuk melaksanakan agenda bumiputera seperti hasrat kerajaan,” katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berkata, golongan bumiputera pada masa ini juga telah bersedia untuk bersama-sama dalam pembangunan negara.

“Golongan bumiputera kini sudah mempunyai pemikiran baharu dan mereka tidak lagi mahu ketinggalan dalam arus pembangunan,” ujarnya.



MOEHAMAD IZAT EMIR



AMIR HUSSAIN BAHARUDDIN



ABU SOFIAN YAACOB